

ANALISIS BORANG SOAL SELIDIK
KEMASUKAN PELAJAR SESI 2004/2005
KE UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABDUL GHANI BIN SELBI

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN
KEPUJIAN

PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MAC 2005



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: ANALISIS BORANG SOAL SELIDIK KEMASUKAN PELAJAR
SESI 2004/2005 KE UMS

Ijazah: SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK PENGAJIAN EKONOMI)


SESI PENGAJIAN: 2002/2003

Saya ABDUL GHANI BIN SELBI

(HURUF BESAR)


mengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (/)




SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Abdul Ghani Bin Selbi
 (TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: 1893, Lorong B4, RPR
Fasa 2, Jalan Astana, Petra Jaya,
93050, KUCHING

Prof. Madya Dr. Amran Ahmed
 Nama Penyelia

Tarikh: 24. MAC 2005 *

Tarikh: 24/3/2005

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

31 Mac 2005



ABDUL GHANI BIN SELBI

HS2002 - 3793



PENGESAHAN PEMERIKSA**DIPERAKUKAN OLEH**




Tandatangan

1. PENYELIA
(PROF. MADYA DR. AMRAN AHMED)

2. PEMERIKSA 1
(PN. SITI RAHAYU BTE. MOHD. HASHIM)

3. PEMERIKSA 2
(DR. JUMAT BIN SULAIMAN)

4. DEKAN
(PROF. MADYA DR. AMRAN AHMED)



PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan berkat-Nya saya telah berjaya menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Amran Ahmed yang telah banyak memberikan idea dan nasihat penting sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan daripada beliau, amatlah sukar untuk saya menyiapkan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Cik Kamisah dan bahagian perkhidmatan akademik yang telah mengizinkan saya untuk menggunakan data pelajar UMS.

Terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan sekelas yang banyak memberi kritikan membina sepanjang kajian ini dijalankan, khasnya saudari Chan Chow Yee yang telah banyak membantu dalam analisis faktor. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga saya di Kuching yang sentiasa mendoakan kejayaan saya di perantauan.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis borang soal selidik kemasukan pelajar ke UMS. Daripada kajian ini, analisis mengenai sama ada wujudnya perbezaan di antara min PNGK terakhir sebelum memasuki UMS bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dapat dijalankan. Perbezaan di antara min PNGK bagi empat tahap keaktifan di dalam kelas dan empat tahap keterlibatan diri dalam aktiviti institusi turut dikaji. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau aspek-aspek yang dapat mempengaruhi pelajar supaya menuntut di UMS. Responden bagi kajian ini adalah pelajar baru kemasukan sesi 2004/2005. Data daripada soal selidik dianalisis dengan analisis statistik berperihal, ujian khi kuasa dua ketaksandaran, ujian t tak bersandar, ANOVA satu hala dan analisis faktor. Hasil analisis menunjukkan faktor jantina bukanlah faktor penentu pencapaian akademik pelajar. Pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh proses pembelajaran yang diamalkan. Hasil daripada analisis faktor, didapati faktor pelajar memilih UMS diringkaskan menjadi enam komponen faktor utama. Di antara kesemua komponen faktor tersebut, didapati faktor persekitaran UMS memainkan peranan yang utama dalam menarik minat pelajar untuk menuntut di UMS.



**STUDENT ENROLLMENT TO UNIVERSITY MALAYSIA SABAH
SESSION 2004/2005 QUESTIONNAIRE ANALYSIS**

ABSTRACT

The main objective of this research is to analyze student enrollment to UMS questionnaire. From this study, a research about whether if there exist significant different between male and female students latest CGPA before entering UMS can be conducted. CGPA mean differences between four activity levels in class and four involvement levels in institutional activities were also examined. Other than that, the objective of this research is to view potential factors that can influence students to study in UMS. The respondents for this research is first year students for 2004/2005 session. Data from the questionnaires were analyzed using descriptive method, chi square test for relatedness, independent sample *t* test, one way ANOVA and factor analysis. The result of this research shows that gender is not a significant factor to determine student's academic achievement. Student academic achievement is determined by learning habits practiced. Factor analysis reduced the potential factor to influence student to choose UMS to six component factor. Out from this six component factor, the factor of UMS surroundings were found very important to attract students to study in UMS.



KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|---|------------|
| HALAMAN JUDUL | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SIMBOL | xiv |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 PENGENALAN | 1 |
| 1.2 OBJEKTIF KAJIAN | 5 |
| 1.3 SKOP KAJIAN | 5 |
| | |
| BAB 2 ULASAN LITERATUR | 6 |
| 2.1 PENGENALAN | 6 |
| 2.2 ISU JANTINA DAN PENCAPAIAN AKADEMIK | 6 |
| 2.3 PENGARUH JENIS PERSONALITI DAN PENGARUH KELUARGA KE ATAS PENCAPAIAN AKADEMIK | 7 |
| 2.4 PENDEKATAN PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK | 10 |
| 2.5 PEMILIHAN KOLEJ DAN UNIVERSITI DI KALANGAN PELAJAR | 13 |
| | |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | 16 |
| 3.1 PENGENALAN | 16 |



| | | |
|---------------------------------|---|-----------|
| 3.2 | PENGUMPULAN DATA | 16 |
| 3.2.1 | Analisis Borang Soal Selidik Kemasukan Pelajar Ke UMS | 17 |
| 3.3 | ANALISIS DATA | 19 |
| 3.4 | UJIAN t | 20 |
| 3.4.1 | Ujian t Tak Bersandar | 21 |
| | a. Hipotesis Kajian untuk Ujian t Tak Bersandar | 23 |
| | b. Andaian Awal untuk Ujian t Tak Bersandar | 23 |
| | c. Statistik t untuk Ujian t Tak Bersandar | 23 |
| 3.5 | UJIAN KHI KUASA DUA UNTUK KETAKSANDARAN | 24 |
| 3.5.1 | Pengujian Hipotesis Bagi Ujian Khi Kuasa Dua untuk Menguji Ketaksandaran | 24 |
| 3.5.2 | Andaian untuk Ujian Khi Kuasa Dua untuk Menguji Ketaksandaran | 25 |
| 3.5.3 | Statistik Khi Kuasa Dua | 25 |
| 3.5.4 | Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua | 26 |
| 3.6 | ANALISIS VARIANS | 26 |
| 3.6.1 | Data dan Sumber Variasi | 27 |
| 3.6.2 | Andaian-Andaian Awal ANOVA Satu Hala | 28 |
| 3.6.3 | Pengujian Hipotesis Untuk ANOVA Satu Hala | 28 |
| 3.6.4 | Statistik F | 29 |
| 3.6.5 | Keputusan Ujian F | 32 |
| 3.6.6 | Prosedur <i>Post Hoc</i> | 32 |
| 3.7 | ANALISIS FAKTOR | 33 |
| 3.7.1 | Komunaliti | 35 |
| 3.7.2 | Analisis Komponen Prinsipal | 36 |
| 3.7.3 | Putaran Faktor | |
| | a. Putaran <i>Varimax</i> | 40 |
| BAB 4 ANALISIS STATISTIK | | 44 |
| 4.1 | PENGENALAN | 44 |
| 4.2 | ANALISIS STATISTIK BERPERIHALAN | 44 |
| 4.3 | HASIL UJIAN KHI KUASA DUA KETAKSANDARAN | 56 |



| | | |
|--------|---|----|
| 4.3.1 | Hubungan di antara Faktor Dorongan Keluarga dengan Keputusan Memilih UMS | 56 |
| 4.3.2 | Hubungan di antara Faktor Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Keputusan Memilih UMS | 57 |
| 4.3.3 | Hubungan di antara Faktor Dorongan Majikan dengan Keputusan Memilih UMS | 58 |
| 4.3.4 | Hubungan di antara Dorongan Rakan-Rakan dengan Keputusan memilih UMS | 58 |
| 4.3.5 | Hubungan di antara Faktor Kursus Pilihan Hanya Terdapat di UMS dengan Keputusan Memilih UMS | 59 |
| 4.3.6 | Hubungan di antara Faktor Tempoh Pengajian yang Singkat dengan Keputusan Memilih UMS | 60 |
| 4.3.7 | Hubungan di antara Faktor Mudah Mendapat Pekerjaan dengan Keputusan Memilih UMS | 60 |
| 4.3.8 | Hubungan di antara Faktor Budaya Hidup di UMS yang Baik dengan Keputusan Memilih UMS | 61 |
| 4.3.9 | Hubungan di antara Faktor Lokasi Kampus dengan Keputusan Memilih UMS | 62 |
| 4.3.10 | Hubungan di antara Suasana Kampus yang Baik dengan Keputusan Memilih UMS | 62 |
| 4.3.11 | Hubungan di antara Faktor Pengaruh Lulusan UMS yang Dikenali dengan Keputusan Memilih UMS | 63 |
| 4.3.12 | Hubungan di antara UMS Terbaik dalam Kursus Pilihan dengan Keputusan Memilih UMS | 64 |
| 4.4 | UJIAN KENORMALAN DATA | 64 |
| 4.5 | HASIL UJIAN t TAK BERSANDAR | 66 |
| 4.5.1 | Hipotesis Awal Kajian | 66 |
| 4.5.2 | Keputusan Kajian | 67 |
| 4.6 | HASIL ANOVA SATU HALA | 68 |
| 4.6.1 | Hipotesis Awal Kajian | 68 |
| 4.6.2 | Keputusan kajian | 69 |
| 4.7 | HASIL ANALISIS FAKTOR | 71 |
| 4.7.1 | Faktor pelajar memilih UMS | 71 |



BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

| | | |
|-----|---|----|
| 5.1 | PENGENALAN | 77 |
| 5.2 | HASIL ANALISIS STATISTIK BERPERIHALAN | 77 |
| 5.3 | HASIL UJIAN KHI KUASA DUA KETAKSANDARAN | 82 |
| 5.4 | HASIL UJIAN t TIDAK BERSANDAR | 83 |
| 5.5 | HASIL ANOVA SATU HALA | 84 |
| 5.6 | HASIL ANALISIS FAKTOR | 85 |
| 5.7 | KESIMPULAN | 86 |
| 5.8 | CADANGAN | 87 |
| | RUJUKAN | 89 |
| | LAMPIRAN A | 91 |
| | LAMPIRAN B | 93 |
| | LAMPIRAN C | 96 |
| | LAMPIRAN D | 98 |



SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|------------|---|------------|
| 3.1 | Nilai eigen untuk pembolehubah dalam set data contoh | 38 |
| 3.2 | Ringkasan analisis faktor awalan untuk set data contoh dengan pengekstrakan Analisis Komponen Prinsipal | 39 |
| 3.3 | Faktor putaran varimax dengan pengekstrakan Komponen Prinsipal | 42 |
| 4.1 | Taburan jantina responden | 44 |
| 4.2 | Bilangan responden mengikut sekolah | 45 |
| 4.3 | Bilangan responden mengikut kumpulan PNGK | 46 |
| 4.4 | Bilangan responden mengikut kedudukan UMS dalam senarai pilihan | 46 |
| 4.5 | Bilangan responden mengikut kedudukan program yang dipohon | 47 |
| 4.6 | Bilangan responden berdasarkan sama ada telah mendapat tawaran IPT lain atau tidak | 47 |
| 4.7 | Bilangan responden berdasarkan kesediaan untuk menukar program | 48 |
| 4.8 | Bilangan responden mengikut faktor memilih UMS | 49 |
| 4.9 | Bilangan responden mengikut cara mendapatkan maklumat mengenai program yang ditawarkan oleh UMS | 50 |
| 4.10 | Bilangan responden berdasarkan harapan semasa belajar di UMS | 51 |
| 4.11 | Bilangan responden mengikut jenis pekerjaan yang dipilih | 52 |
| 4.12 | Bilangan responden mengikut tahap keyakinan mengikut program di UMS | 53 |
| 4.13 | Bilangan responden mengikut tabiat pembelajaran yang diamalkan di institut pengajian terdahulu | 54 |
| 4.14 | Bilangan responden terhadap tahap keaktifan didalam kelas | 55 |
| 4.15 | Bilangan responden terhadap tahap keterlibatan diri dalam aktiviti | 55 |
| 4.16 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan dorongan keluarga | 56 |



| | | |
|------|---|----|
| 4.17 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor dorongan Kementerian Pendidikan Malaysia | 57 |
| 4.18 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor dorongan majikan | 58 |
| 4.19 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan dorongan rakan-rakan | 59 |
| 4.20 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor kursus pilihan hanya terdapat di UMS | 59 |
| 4.21 | Keputusan reponden untuk memilih UMS berdasarkan faktor tempoh pengajian yang singkat | 60 |
| 4.22 | Keputusan responden memilih UMS berdasarkan faktor mudah mendapat pekerjaan | 61 |
| 4.23 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor budaya hidup di UMS yang baik | 61 |
| 4.24 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor lokasi kampus UMS | 62 |
| 4.25 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor suasana kampus yang baik | 63 |
| 4.26 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor pengaruh lulusan UMS yang dikenali | 63 |
| 4.27 | Keputusan responden untuk memilih UMS berdasarkan faktor UMS terbaik dalam kursus pilihan | 64 |
| 4.28 | Ujian t tak bersandar | 67 |
| 4.29 | Ujian untuk homogeiniti antara varians | 69 |
| 4.30 | Jadual ANOVA untuk tahap keaktifan di dalam kelas | 69 |
| 4.31 | Set kumpulan selepas prosedur <i>Games-Howell</i> | 70 |
| 4.32 | Ujian homogeiniti antara varians | 70 |
| 4.33 | Jadual ANOVA untuk tahap keterlibatan diri dalam aktiviti | 71 |
| 4.34 | Komunaliti | 72 |
| 4.35 | Jumlah varians diterangkan yang lebih dari satu | 73 |
| 4.36 | Matriks komponen | 74 |
| 4.37 | Matriks komponen putaran | 75 |
| 4.38 | Model faktor pelajar memilih UMS | 76 |



SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Muka Surat |
|-----------|--|------------|
| 3.1 | Gambar rajah faktor selepas pengekstrakan Analisis Komponen Prinsipal | 41 |
| 3.2 | Putaran berortogonal varimax untuk gambarajah faktor dalam rajah 3.1 | 42 |
| 4.1 | Plot Q-Q Normal untuk PNGK | 65 |
| 4.2 | Boxplot untuk PNGK | 66 |



SENARAI SIMBOL

| | |
|-----------------|------------------------------|
| χ^2 | Khi kuasa dua |
| \sum | Penjumlahan |
| $\sqrt{\quad}$ | Punca kuasa dua |
| \leq | Lebih kecil atau sama dengan |
| \geq | Lebih besar atau sama dengan |
| σ^2 | Varians populasi |
| S | Varians sampel |
| $=$ | Sama dengan |
| \neq | Tidak sama dengan |
| H_0 | Hipotesis Nol |
| H_1 | Hipotesis Alternatif |
| \bar{X} | Min Sampel |
| $\bar{\bar{X}}$ | Min keseluruhan |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Semenjak berkembangnya bidang psikometri di dunia, ahli-ahli psikologi dan para pendidik semakin cenderung untuk membuat kajian mengenai pencapaian akademik pelajar (Furnham dan Premuzic, 2004). Kajian mengenai pencapaian akademik pelajar di peringkat sekolah bukanlah perkara yang baru dalam bidang pendidikan.

Kebelakangan ini isu berkaitan dengan jantina kerap ditimbulkan dalam dunia pendidikan. Pelajar perempuan dikatakan lebih menyerlah secara akademik berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian lepas membuktikan betapa kejayaan akademik juga dipengaruhi oleh faktor personaliti pelajar. Pelajar perempuan biasanya mempunyai personaliti yang lebih menarik berbanding pelajar lelaki secara akademik. Menjelang tahun 2000, nisbah peratusan pelajar perempuan kepada pelajar lelaki di institut-institut pengajian tinggi tempatan adalah 60% kepada 40%.

Walaupun isu perbezaan jantina menjadi isu yang penting dalam bidang pendidikan dan kerap menjadi subjek kajian, sebarang perbezaan yang signifikan jarang dijumpai (Fan dan Li, 2004). Di dalam era serba moden ini, kedudukan lelaki



dan perempuan dalam realiti pendidikan seolah-olah duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Semakin ramai pelajar perempuan diterima masuk ke universiti-universiti seluruh dunia dan memperoleh kejayaan yang lebih cemerlang berbanding pelajar lelaki. Menurut Davidson (2002), pencapaian pelajar perempuan mengatasi pencapaian pelajar lelaki dalam subjek seperti perakaunan.

Untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang, adalah sangat penting untuk mempunyai tabiat pembelajaran yang baik. Seorang pakar lazimnya membuat sesuatu kerja dengan lebih cepat berbanding seorang amatir. Perkara ini berlaku kerana seorang pakar membuat kerjanya dengan cara yang berbeza. Teknik yang diamalkan adalah lebih mantap, mengelakkan mereka daripada membuat pelbagai kesilapan di banyak bahagian tertentu (Marshall, 1995).

Untuk menjadi pakar dalam sesuatu pula, seseorang itu mestilah menjadi seorang pelajar yang aktif dan sentiasa berinteraksi dengan guru. Pelajar yang aktif dalam kelas biasanya dilabelkan sebagai pelajar yang aktif bertanya kepada guru sehingga benar-benar menguasai sesuatu konsep yang dipelajari (Marshall, 1995).

Perkataan aktif dan pasif adalah bertentangan antara satu sama lain. Aktif adalah membuat sesuatu, peka dengan persekitaran dan sentiasa berfikir manakala pasif adalah tidak membuat sesuatu, tidak peka dengan persekitaran dan kurang berfikir (Beale, 2002). Walaupun seseorang itu boleh belajar dalam keadaan tidak peka dengan persekitaran dan kurang berfikir, pelajar yang lebih peka dengan persekitaran dan lebih banyak berfikir adalah jauh lebih efektif dan berjaya dalam pembelajaran.



Seorang pelajar yang aktif dikatakan seolah-olah mempunyai kuasa. Mereka merasakan mereka mampu dan yakin dalam mempelajari sesuatu yang baru, mengetahui apa yang sepatutnya dibuat untuk belajar, bertanya jika kurang pasti akan sesuatu dan seterusnya bergerak untuk belajar. Pelajar yang aktif akan sentiasa mencari jalan untuk menjadikan proses pembelajaran sesuatu yang menarik dan mendatangkan pulangan yang lumayan. Pelajar yang aktif akan cuba mempelajari sebanyak mungkin dalam masa yang pendek. Perkara yang paling penting adalah pelajar aktif mendapat perasaan yakin diri yang tinggi sebagai pulangan daripada penglibatan mereka secara aktif dalam pembelajaran (Beale, 2002).

Semenjak selepas zaman perang, minat kepada bidang pengajian tinggi meningkat secara mendadak. Semakin banyak universiti awam dibuka untuk menampung pertambahan pelajar yang mengikuti kursus di universiti setiap tahun. Cita-cita memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi keputusan seorang pelajar untuk memasuki institut pengajian tinggi (Morris, 1969). Namun begitu, terdapat beberapa kriteria yang biasanya dipertimbangkan oleh pelajar sebelum memilih mana-mana institut pengajian tinggi.

Menurut Morris (1969), prestij kolej atau reputasi akademik seseorang pelajar itu tidak mempengaruhi atau mendominasi proses pemilihan kolej. Secara kasar, lebih kurang 30% pelajar memilih kolej berdasarkan penawaran kursus yang menarik dan mempunyai budaya sosial yang baik. Para pemohon tidak mempertimbangkan tahap pencapaian akademik mana-mana kolej atau universiti kerana mengandaikan semua kolej atau universiti mempunyai tahap pencapaian akademik yang sama. Untuk mengetahui apakah faktor penting yang mempengaruhi pelajar untuk memilih mana-



mana kolej atau universiti, adalah penting untuk mengenalpasti apakah sumber maklumat utama pelajar-pelajar tersebut mengenai kolej atau universiti yang ingin dimasuki.

Hampir 50% daripada pelajar tingkatan enam di bandar dan di antara 30% atau 40% pelajar tingkatan enam di luar bandar tidak mendapatkan khidmat nasihat mengenai pilihan mereka mengenai kemasukan ke kolej atau universiti. Bagi pelajar perempuan di bandar dan semua pelajar di kawasan luar bandar, pengetua sekolah adalah sumber utama untuk mendapatkan maklumat manakala bagi pelajar lelaki pula, guru subjek memainkan peranan yang lebih penting (Morris, 1969).

Masyarakat sekarang semakin celik ilmu ICT. Terdapat pelbagai sumber maklumat yang boleh diperolehi selain daripada peranan pendidik di sekolah. Penggunaan internet semakin luas dan semakin penting dalam kehidupan seharian. Hampir kesemua kolej dan universiti seluruh dunia menggunakan jaringan maklumat ini untuk mempromosikan institut masing-masing. Cara ini adalah lebih cepat dan menjimatkan kos kepada kedua-dua pihak pelajar dan pihak universiti. Namun begitu, kemudahan internet ini masih tidak dapat dinikmati oleh sebahagian kecil masyarakat luar bandar kerana kesukaran mendapatkan kemudahan seperti talian telefon.



1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Menganalisis borang soal selidik kemasukan pelajar ke UMS.
- b. Membandingkan PNGK terakhir sebelum memasuki UMS responden lelaki dan responden perempuan.
- c. Membandingkan PNGK responden berdasarkan tahap keaktifan responden di dalam kelas dan juga penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.
- d. Menentukan sama ada wujud perhubungan di antara keputusan pelajar memilih UMS dengan faktor-faktor memilih UMS.
- e. Menganalisis faktor pelajar memilih UMS.

1.4 Skop Kajian

Skop kepada kajian ini adalah pelajar kemasukan sesi 2004/2005. Namun begitu, data yang didapati adalah tertakluk kepada responden yang telah mengisi dan memulangkan Borang Soalselidik Kemasukan Pelajar ke UMS kepada bahagian perkhidmatan akademik UMS.



BAB 2

ULASAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Kajian mengenai pencapaian akademik pelajar di peringkat sekolah bukanlah perkara yang baru dalam bidang pendidikan. Banyak kajian lepas mengenai faktor yang menggalakkan pencapaian akademik pelajar telah dibuat. Begitu juga dengan kajian mengenai kemasukan pelajar ke kolej atau universiti. Bab ini akan menerangkan serba sedikit mengenai kajian-kajian lepas yang telah dibuat mengenai pencapaian akademik pelajar dan kemasukan pelajar ke kolej ataupun universiti.

2.2 Isu Jantina dan Pencapaian Akademik

Fan dan Li (2004) telah membuat kajian mengenai isu jantina dalam pendidikan berdasarkan pelajar yang mengambil Sains Komputer sebagai major di Taiwan. Subjek kepada kajian ini adalah pelajar fakulti Sains Komputer dari lima buah universiti di Taiwan. Sebanyak 940 borang kaji selidik telah dikutip dimana respondennya ialah 796 pelajar lelaki (85%) dan 144 pelajar perempuan (15%). Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah jantina, markah purata bagi kerja kursus di sekolah tinggi, markah purata bagi semua subjek matematik di sekolah



tinggi, jumlah markah bagi Ujian Khas Kemasukan ke Universiti (CEE), markah komponen Matematik dalam CEE, markah komponen bahasa Inggeris dalam CEE, markah komponen Fizik dalam CEE, markah komponen Kimia dalam CEE, bilangan subjek Komputer yang diambil, bilangan subjek pengaturcaraan yang diambil, pengalaman dalam subjek pengaturcaraan sebelum memasuki universiti, purata markah kursus Matematik yang diambil di universiti, markah yang diperolehi dalam subjek pengenalan sains komputer dan purata markah bagi subjek utama dalam kursus sains komputer.

Hasil daripada kajian ini didapati tiada perbezaan yang signifikan antara jantina untuk markah CEE dan pengalaman dalam subjek pengaturcaraan sebelum memasuki universiti. Bagaimanapun pelajar perempuan memperoleh markah yang lebih tinggi untuk komponen bahasa dalam CEE. Pelajar perempuan juga didapati telah mendahului pelajar lelaki di peringkat sekolah tinggi dan universiti, termasuk dalam kursus matematik. Kajian ini menunjukkan pelajar perempuan yang mengambil program sains komputer adalah lebih berkeyakinan untuk bersaing dalam bidang yang dikuasai oleh pelajar lelaki, disebabkan adanya disiplin matematik yang tinggi dan pengalaman komputer yang didapati sebelum memasuki kolej ataupun universiti (Fan dan Li, 2004).

2.3 Pengaruh Jenis Personaliti dan Pengaruh Keluarga Ke Atas Pencapaian

Akademik Pelajar

Menurut Heaven *et al.* (2002), pencapaian akademik pelajar di sekolah berkait rapat dengan faktor personaliti seseorang pelajar itu. Walaupun faktor-faktor seperti



harapan keluarga dan jenis sekolah yang dihadiri mempengaruhi motivasi pembelajaran dan pencapaian akademik, telah cukup terbukti jenis personaliti pelajar memainkan peranan yang paling asas sekali dalam pencapaian pelajar (Heaven *et al.*, 2002). Menurut beliau, sikap aktif atau *extrovert* seorang pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah mempengaruhi pencapaian akademik yang diperoleh manakala sikap pendiam ataupun *introvert* adalah faktor yang penting kepada kejayaan seorang pelajar di peringkat universiti.

Jenis personaliti juga penting untuk meramal pencapaian dalam pelbagai aktiviti akademik yang berbeza. Pelajar jenis *extrovert* lebih cenderung untuk menghadiri aktiviti akademik seperti seminar berbanding dengan pelajar dari jenis personaliti yang lain. Tetapi pelajar dari jenis personaliti ini biasanya kurang berminat dalam penulisan esei. Pelajar yang *extrovert* lebih berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti lisan seperti memberi pembentangan kepada rakan pelajar. Namun begitu, hasil daripada sesuatu aktiviti seminar sebenarnya bergantung kepada sifat psikotisme seseorang pelajar itu. Sifat psikotisme merangkumi sikap rendah tahap motivasi, amalan kerja yang buruk, penyampaian lisan yang lemah dan pelbagai lagi. Pelajar yang berminat dalam pelajaran dilaporkan sebagai mempunyai tahap psikotisme yang rendah dalam diri mereka (Heaven *et al.*, 2002).

Selain daripada sifat *extrovert*, satu lagi jenis personaliti pelajar yang menarik minat ramai ahli psikologi ialah sikap cermat dan teliti dalam membuat sesuatu pekerjaan (*Conscientiousness*), sikap menerima (*agreeableness*) dan sikap berani mencuba (*Openness to experience*). Sikap cermat dan teliti ini sangat mempengaruhi pencapaian akademik seorang pelajar kerana sikap ini merangkumi sikap terarah,



berhati-hati, konsentrasi, ketahanan mental dan teratur. Menurut Heaven *et al.* (2002), kejayaan di peringkat universiti adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti berdaya saing, teratur, sentiasa membuat kerja, berusaha ke arah kejayaan, disiplin diri yang kental dan pertimbangan diri yang betul. Didapati kesemua faktor tersebut adalah dari kumpulan sikap cermat dan teliti dalam membuat sesuatu pekerjaan. Kajian juga mendapati sikap menerima tidak memainkan peranan dalam meramal pencapaian seseorang pelajar. Hasil daripada kajian lepas menyatakan tidak wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian akademik dan sikap menerima.

Faktor jagaan keluarga tidak sahaja penting kepada kesihatan emosi seseorang tetapi juga kepada pencapaian akademik seseorang pelajar itu (Heaven *et al.*, 2002). Corak jagaan keluarga yang berbeza mempunyai implikasi yang unik kepada kesihatan psikologi anak di bawah jagaan. Ibu-bapa yang mengamalkan corak autoritatif (menggariskan sempadan tingkah laku dan demokratif) adalah optimal kepada kesihatan psikologi dan penerapan nilai positif di kalangan anak muda. Sebaliknya, ibu-bapa yang mengamalkan corak autoritarian (berharapan tinggi dan memberi kurang perhatian) adalah kurang kondusif kepada kesihatan psikologi. Telah dipersetujui dalam kebanyakan kajian lepas yang jagaan keluarga bercorak autoritatif menghasilkan anak yang mempunyai kurang masalah kelakuan dan membawa kepada kematangan psikososial di kalangan anak muda. Salah satu elemen kematangan psikososial ialah pencadangan untuk membuat kerja, maka, dengan itu, corak jagaan keluarga autoritatif membawa kepada pencapaian akademik yang baik di kalangan pelajar.



Rujukan

- Afifi, A. A. dan Clark, V., 1996. *Computer Aided Multivariate Analysis*. Chapman and Hall, London.
- Avery, C., Glickman, M., Hoxby, C. dan Metric, A., 2004. *A Revealed Preference ranking of U.S Colleges and Universities*. NBER Working Paper Series. National Bureau of Economic Research, Cambridge (belum terbit).
- Beale, A. M., 2002. *Success Skills*. Ed. ke-2. Thompson Learning, New York.
- Coakes, S. J. dan Steed, Lyndall, G., 2003. *SPSS Version 11.0 for Windows: Analysis Without Anguish*. John Wiley and Sons, Milton.
- Davidson, R.A., 2002. Relationship of study approach and exam performance. *Journal of Accounting Education* **20**, 29-44.
- Duff, A., Boyle, E., Dunleavy, K. dan Ferguson, J., 2004. The relationship between personality, approach to learning and academic performance. *Personality and Individual Differences* **36**, 1907-1920.
- Fan, T. S. dan Li, Y. C., 2004. Gender issues and computers: college computer science education in Taiwan. *Computers and Education* (akan terbit).
- Field, A., 2000. *Discovering Statistics Using SPSS for Windows*. Sage Publication, London.
- Furnham, A. dan Premuzic T. C., 2004. Personality and intelligence as predictors of statistics examination grades. *Personality and Individual Differences* **37**, 943-955.



Hair, J. F., Ralph, J. R., Anderson, E., Tatham R. L. dan Black W.C., 1995. *Multivariate Data Analysis with Readings*. Ed. ke-4. Prentice Hall, New Jersey.

Hand, D. J. dan Taylor, C. C., 1987. *Multivariate Analysis of Variance and Repeated Measures*. Chapman and Hall, London.

Heaven, P.C. L., Mak, A., Barry, J. dan Ciarrochi, J., 2002. Personality and family influences on adolescent attitudes to school and self-rated academic performance. *Personality and Individual Differences* **32**, 453-462.

Morris, J., 1969. Sixth former and college entrance. *International Library of Sociology* **17**, 1-15.

Marshall, P., 1995. *How to Study and Learn*. How to Books Ltd., London.

Siegel, A. F., 2000. *Practical Business Statistics*. Ed. ke-4. McGraw Hill Higher Education, New York.

